

Wartawan menyamar sebagai pemandu Uber berbual dengan penumpang.



SUSULAN PENYAMARAN WARTAWAN BH JADI PEMANDU UBER, GRABCAR DAN TEKSI

Penumpang dakwa teksi sapu selesa, caj murah

BH
5/12/2015
m158



» Pemandu Uber, Grabcar dianggap lebih berdisiplin

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Teksi depan mata tetapi Uber atau Grabcar juga yang dicari. Orang ramai tidak kisah terpaksa berjalan lebih jauh ke lokasi lain semata-mata mahu mendapatkan perkhidmatan kereta sapu itu.

Itu antara gelagat penumpang kereta sapu profesional, Uber dan Grabcar yang kebanyakannya memilih untuk tidak menggunakan perkhidmatan teksi sah dengan pelbagai alasan.

Wartawan BH, sepanjang penyamaran sebagai pemandu Uber dan Grabcar beberapa kali berdepan senario pelik dengan gelagat penumpang.

Contohnya, di sekitar Pavilion, Sunway, Wangsa Maju, Bangsar dan beberapa lokasi lain, penumpang yang meminta perkhidmatan ini boleh

mendapat teksi dengan mudah kerana banyak teksi ada di situ.

Sanggup menunggu

Bagaimanapun, mereka sanggup menunggu ketibaan pemandu Uber atau Grabcar sehingga lebih 10 minit dan menolak pelawaan daripada ramai pemandu teksi lain.

Ditanya kenapa sanggup menunggu sehingga pemandu Uber atau Grabcar sampai, kebanyakan penumpang memberi alasan tidak akan menggunakan teksi kerana kurang berpuas hati dengan mutu perkhidmatan teksi.

Pekerja di sebuah pusat beli-belah di Wangsa Maju, Michele (bukan nama sebenar), berkata selain berasa kurang selamat dan tidak selesa dengan keadaan teksi yang lazimnya berbau busuk, caj yang dikenakan juga lebih mahal berbanding kereta sapu.

“Kebanyakan kereta sapu yang saya naik berkeadaan sangat memuaskan dan caj lebih murah. Ada kawan saya yang pernah dikenakan caj oleh pemandu teksi sampai tiga kali ganda berbanding harga biasa. Ia tidak berlaku dengan Grabcar. Harganya tetap dan murah,” katanya.

Pelancong dari Hong Kong, Keina, berkata aplikasi Uber menyebabkan

dia rasa lebih selamat dan mudah mendapat kenderaan.

“Pemandu teksi cerewet. Dua kali saya minta mereka ambil saya di hotel di sekitar Bukit Bintang tetapi mereka tolak kerana kononnya tidak tahu lokasi. Bukankah ada aplikasi navigasi? Sebab itu saya guna Uber. Tidak ada masalah langsung dan harga lebih murah,” katanya.

Aplikasi yang memudahkan

Pelajar, Haikal (bukan nama sebenar), berkata aplikasi yang ada dalam Grabcar dan Uber memudahkannya untuk mendapatkan kereta sapu pada bila-bila masa dan di mana saja dengan selesa.

“Semua orang akan ada alasan yang sama dengan saya. Pemandu teksi ada yang bersikap kasar dan sombong. Kereta berbau dan suka ambil kesempatan ikut jalan jauh kerana mahu caj mahal. Ini tidak berlaku dengan Grabcar,” katanya.

Semua situasi ini adalah satu gambaran jelas mengenai kepincangan yang berlaku dalam perkhidmatan teksi. Ada penumpang memberitahu pernah dianiaya pemandu teksi dengan menyuruhnya turun dan cari teksi lain kerana kesesakan jalan yang teruk.



Wartawan menyamar sebagai pemandu teksi membawa penumpang dari Iran.

INFO

Ikuti pengalaman seorang pensyarah memperoleh pendapatan tambahan RM2,000 seminggu sebagai pemandu Uber dan Grabcar serta tips mengelak terperangkap dengan ancaman pemandu teksi dan SPAD dalam BH, esok.




Operasi teksi terjejas dengan kewujudan khidmat Uber, Grabcar.



Ramai tidak tahu khidmat Uber, Grabcar

Kewujudan Uber dan Grabcar tidak boleh dijadikan alasan sukar mendapatkan penumpang. Dakwaan pemandu teksi itu tidak berasas jika pengalaman wartawan menyamar sebagai pemandu teksi selama dua hari sebelum ini dijadikan sandaran. Seramai 20 penumpang yang menaiki teksi dipandu wartawan langsung tidak menyedari kewujudan

bangsa Kuala Lumpur (KLIA). Sementara itu, seorang pemandu teksi yang mahu dikenali sebagai Pak Lan, mengakui kehadiran Uber dan Grabcar sedikit mengganggu pendapatan pemandu teksi seperti nya. "Tidak adil sebenarnya. Mereka (Uber dan Grabcar) tidak membayar apa-apa, sedangkan kami pemandu teksi perlu membayar



dan kedua-dua aplikasi yang menawarkan perkhidmatan kereta sapu profesional itu.

“Ini pertama kali saya dengar, kalau abang tak beritahu, kami memang tak tahu,” kata beberapa penumpang wanita yang menaiki teksi dari Jalan Tunku Abdul Rahman ke Stesen Keretapi Tanah Melayu, di sini.

“Uber? Grabcar? Apa tu? Kalau bagus daripada teksi pun, saya akan gunakan teksi juga. Lagi mudah tahan dan terus bayar tunai, tak payah bayar guna kad kredit,” kata seorang penumpang wanita berbangsa India.

Pelancong pilih teksi

Seorang pelancong warga Perancis pula berkata, walaupun mengetahui perkhidmatan Uber, dia lebih selesa menggunakan perkhidmatan teksi di negara ini kerana harganya murah.

“Saya sudah melancong ke beberapa negara di Asia Tenggara dan Malaysia adalah negara yang perkhidmatan teksinya murah berbanding negara lain. Jadi, kenapa saya perlu gunakan Uber?” katanya yang menaiki teksi dari Pasar Seni ke Lapangan Terbang Antara-

sewa, permit dan pelbagai bayaran lagi.

“Faktor ekonomi semasa yang tidak menentu seperti kenaikan harga gas turut menjejaskan pendapatan pemandu teksi,” katanya ketika ditemui BH.

Pemandu teksi berpuak-puak




Pak Lan berkata, tindakan segelintir pemandu teksi yang berpuak-puak dengan menguasai sesebuah kawasan turut menjadi punca pendapatan pemandu teksi terjejas, selain tidak menggunakan meter.

Seorang lagi pemandu teksi yang ingin dikenali sebagai Hashim, pula berpendapat kenaikan harga tambang teksi sebelum ini menjadi penyebab orang ramai tidak lagi menggunakan perkhidmatan itu.

Katanya, walaupun ia dilihat menguntungkan pemandu teksi, hakikatnya tidak seperti itu kerana jumlah mereka yang menggunakan teksi semakin berkurangan.

“Jika sebelum ini (harga tambang lama), saya sudah meraih pendapatan sekitar RM200 apabila kerja dari jam 7 pagi hingga jam 5 petang, sekarang saya perlu kerja sehingga jam 9 atau 10 malam, baru boleh dapat RM200,” katanya.

SISTEM CAJ

 TEKSI METER (BAYARAN TUNAI)	 GRABCAR BAYARAN TETAP (TUNAI ATAU KAD)	 UBER JARAK DAN MASA (KAD)
Kelebihan teksi <ul style="list-style-type: none"> ⦿ Dilindungi insurans pengangkutan awam. ⦿ Perkhidmatan sah. ⦿ Rekod pemandu berdaftar dengan SPAD. ⦿ Tiada sempadan perkhidmatan. ⦿ Boleh didapati di mana sahaja. 	Kekurangan teksi (berdasarkan rungutan pengguna) <ul style="list-style-type: none"> ⦿ Sikap pemandu tidak mesra. ⦿ Kenderaan tidak diselenggara dengan baik. ⦿ Caj mahal. ⦿ Pemandu tidak menggunakan aplikasi navigasi. ⦿ Menolak permintaan untuk ke destinasi tertentu. 	
Kelebihan Uber/Grabcar <ul style="list-style-type: none"> ⦿ Caj lebih murah. ⦿ Pemandu jarang menolak tempahan. ⦿ Keadaan kenderaan lebih baik. ⦿ Pemandu ramah dan mesra. 	Kekurangan Uber/Grabcar <ul style="list-style-type: none"> ⦿ Beroperasi secara haram. ⦿ Status perlindungan insurans diragui. ⦿ Penumpang perlu tunggu kenderaan sampai. ⦿ Ada lokasi sukar mendapat perkhidmatan. 	